

Subsidi bersasar usaha selamatkan ekonomi negara

BERITA HARIAN 22 APR 2024 m/4:3

Shah Alam: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pelaksanaan subsidi bersasar khususnya ke atas RON95 dan diesel adalah langkah bertanggungjawab kerajaan menyelamatkan ekonomi negara walaupun dianggap tidak popular.

Malah, Perdana Menteri berkata, keputusan pelaksanaan subsidi bersasar itu sudah dibincang dan dipersetujui kerajaan terdahulu, tetapi tidak dilaksanakan kerana dianggap tidak popular.

Beliau berkata, Kerajaan Perpaduan diterajuinya kini bagaimanapun bertekad untuk melaksanakan subsidi bersasar itu.

Anwar berkata, kerajaan mengambil tindakan bertanggungjawab dalam melaksanakan program penyasaran subsidi kepada rakyat.

“Kerajaan ini kerajaan yang berani untuk menyelamatkan ekonomi negara dan kita akan laksanakan (subsidi bersasar).”

“Di mana rakyat berasaskan me-


reka rugi dalam belanja minyak, kita tampung. Ini adalah dasar bertanggungjawab dan inilah reformasi,” katanya berucap pada Konvensyen 25 Tahun PKR di Pusat Konvensyen Shah Alam (IDCC) di sini, semalam.

Bagaimanapun, beliau memberi jaminan rakyat yang terkesan dalam penyasaran subsidi itu akan dibantu menerusi pemberian tunai bulanan.

“Sekarang kalau tanya (berkaitan) subsidi minyak dan diesel, secara rasionalnya apa yang kita lakukan, sebab minyak yang kita subsidi, yang setiap hari digunakan, itu menguntungkan semua.”

“Mereka yang paling kaya pun dapat subsidi. Ini kerja tak cerdik. Seramai 3.5 juta orang asing pun dapat subsidi.”

“Kalau (harga minyak) naik, kita bagi suntikan langsung kepada rakyat. (Contoh beban perbelanjaan disebabkan harga minyak naik) naik RM100 sebulan, kita bagi RM100, ada masalah ke?”



Kerajaan sedang memperinci kaedah terbaik pelaksanaan subsidi bersasar petrol dan diesel kepada rakyat.

(Foto hiasan)

Nak bantah sebab apa.

“Ini kaedah (pemberian tunai) kita fikir punya lama, puluh tahun dibincang, puluh tahun juga kerajaan (terdahulu) setuju, tapi tak berani untuk dilaksanakan sebab dia takut tak popular,” katanya.

Pemberian pindahan tunai

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli sebelum ini berkata kerajaan sedang mempertimbangkan pemberian subsidi bersasar dalam bentuk pindahan tunai secara bulanan, kali pertama ditawarkan kepada rakyat berbanding sebelum ini.

Dalam pada itu Anwar berkata, di sebalik persekitaran ekonomi dunia yang mencabar dan tidak menentu, Malaysia masih berupaya mencatatkan kadar pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan.

“KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar) Malaysia, yang kita catat 3.7 peratus (walaupun) sepatutnya lebih tinggi. Tapi perbandingan berapa negara, kita lebih baik. Singapura (mencatatkan KDNK) 1.1 peratus, Thailand 1.9 peratus, Amerika Syarikat (AS) 2.5 peratus, United Kingdom (UK) 0.1 peratus dan Korea Selatan, 1.4 peratus.

“Kadar pengangguran dan inflasi kita pun turun. Eksport kita sejak Januari lalu menyaksikan peningkatan 8.7 peratus,” katanya.

Dalam perkembangan berasingan, Perdana Menteri berkata satu mesyuarat berhubung Digital Nasional Bhd (DNB) akan diadakan hari ini, di mana isu berkaitan syarikat itu akan diputuskan.

“DNB akan diputuskan minggu depan, saya ingat akan ada satu mesyuarat mengenainya,” katanya kepada media selepas Konvensyen 25 Tahun PKR di sini, semalam.